



# INDUSTRI PERTAHANAN (PKPP)

## Merangkumi

Semua Industri Pertahanan

Waktu Beroperasi | Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal

Kapasiti Pekerja | 100%

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 10 P.U.(A) 254/2020 Akta 342
- Tertakluk kepada peraturan Pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas   |
|---|--|
| Protokol Pencegahan Penyakit & Sekatan  | Majikan perlu menyediakan protokol di tempat kerja yang meliputi pengawasan penyakit dan pencegahan penyebaran jangkitan mengikut standard yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia.   |
| Saringan Kesihatan  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan alat saringan suhu badan atau <i>thermal scanner</i>.</li> <li>• Melaksanakan saringan bagi mengesan simptom berkaitan COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak, atau sesak nafas setiap hari.</li> <li>• Saringan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk kilang / premis.</li> </ul> |
| Laporan kesihatan (di premis dan penginapan pekerja yang disediakan syarikat) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pekerja yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5° celsius atau menunjukkan sebarang simptom batuk, selesema, sakit tekak, susah nafas, tidak dibenarkan masuk ke dalam premis.</li> <li>• Hendaklah dirujuk ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.</li> </ul>                             |
| Aplikasi MySejahtera  | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis.</li> <li>• Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera.</li> </ul>   |



# INDUSTRI PERTAHANAN (PKPP)

## Merangkumi

Semua Industri Pertahanan

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 10 P.U.(A) 254/2020 Akta 342
- Tertakluk kepada peraturan
- Pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali

Waktu Beroperasi | Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal

Kapasiti Pekerja | 100%

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan  | Penerangan Ringkas  |
|---|---|
| Proses Pembersihan dan Disinfeksi Premis                      | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Proses pembersihan dan disinfeksi perlu dilaksanakan tiga (3) kali sehari terutamanya di kawasan umum (<i>common space</i>) dan sering di sentuh seperti:               <ul style="list-style-type: none"> <li>– lobi, lif, kafeteria, bilik mesyuarat, surau, bas/pengangkutan pekerja, tandas dan tempat pembuangan sampah / tong sampah, tombol pintu, pemegang tangan.</li> </ul> </li> <li>• Syarikat hendaklah menjalankan proses disinfeksi di kilang/premis setiap kali sebelum syif atau operasi bermula.</li> <li>• Syarikat hendaklah menyediakan <i>hand sanitizer</i> di pintu masuk, semua kawasan umum (<i>common area</i>) dan tempat-tempat lain di dalam kilang/premis.</li> </ul> |
| Penjarakan fizikal dan tatacara keselamatan kesihatan pekerja | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemakaian <i>face mask</i> oleh setiap pekerja di kawasan umum adalah diwajibkan.</li> <li>• Memastikan garis panduan amalan terbaik sosial / penjarakan fizikal disediakan seperti tanda jarak 1 meter di lantai jika beratur dan jarak 2 meter antara meja—dilaksanakan khususnya di kawasan-kawasan seperti <i>production floor</i>, kafeteria / kantin, bilik mesyuarat, surau, dewan serba guna (<i>multipurpose hall</i>) dan lain-lain yang berkenaan.</li> </ul>   |
| Etika di Kawasan Umum dalam Premis                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemudahan surau dan tempat ibadat dalam premis perlu mematuhi amalan penjarakan fizikal dimana kemasukkan orang dihadkan berdasarkan kepada saiz bilik.</li> <li>• Operasi kantin / kafeteria dibenarkan <i>dine in</i> dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter. Bilangan pelanggan di meja bergantung kepada saiz meja.</li> <li>• Waktu rehat makan hendaklah dilaksanakan secara berperingkat bergantung kesesuaian yang ditetapkan syarikat.</li> </ul>   |



# INDUSTRI PERTAHANAN (PKPP)

## Merangkumi

Semua Industri Pertahanan

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

- Peraturan 10 P.U.(A) 254/2020 Akta 342
- Tertakluk kepada peraturan
- Pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa
- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan
- Syarikat hanya boleh menambah baik protokol ini mengikut kesesuaian tetapi sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali

Waktu Beroperasi | Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan | Normal

Kapasiti Pekerja | 100%

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan                                     | Penerangan Ringkas   |
|--|--|
| Pengangkutan Pekerja                         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kenderaan pengangkutan pekerja perlu mematuhi penjarakan fizikal.</li> <li>• Kenderaan pengangkutan pekerja yang disediakan oleh syarikat perlu menjalani proses disinfeksi setiap kali sebelum digunakan.</li> <li>• Penjarakan sosial (secara selang seli) penumpang semasa berada dalam kenderaan.</li> <li>• Kenderaan persendirian digalakkan untuk dilakukan sendiri pembersihan dan disinfeksi oleh pekerja mengikut tatacara yang bersesuaian.</li> </ul>   |
| Penginapan pekerja (jika disediakan majikan) | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penjarakan fizikal hendaklah dilaksanakan di kawasan tempat tidur, tandas, bilik mandi, tempat ibadat, ruang makan dan lain-lain.</li> <li>• Proses pembersihan dan disinfeksi perlu dilakukan setiap hari mengikut masa yang ditetapkan majikan.</li> </ul>  |
| Tindak balas Kecemasan                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Protokol Tindak Balas Kecemasan bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes-kes kecemasan (terdapat jangkitan atau siasatan jangkitan COVID-19).</li> <li>• Syarikat bertanggungjawab untuk menanggung sepenuhnya kos saringan dan perubatan bagi pekerja yang didapati positif serta kos saringan bagi kontak rapat di premis yang syarikat yang sama.</li> <li>• Kos disinfeksi di premis perlu ditanggung oleh syarikat.</li> <li>• Syarikat perlu menyediakan penginapan alternatif bagi tujuan kuarantin dan kos perlu ditanggung oleh syarikat.</li> </ul> |